



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

MAJLIS MENANDATANGANI SIJIL KOLABORASI STRATEGIK (COC) ANTARA JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK) DAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS)

KUALA KETIL, 26 JUN 2023 - Satu Sijil Kolaborasi Strategik (COC) telah ditandatangani di antara Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) dalam meningkatkan mutu dan kualiti pendidikan tinggi negara sejajar dengan hasrat Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin iaitu mewujudkan kerjasama erat antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan dan meningkatkan bilangan pelajar dengan sekurang-kurangnya 40 peratus daripada lepasan politeknik menyambung pengajian ke peringkat ijazah bagi melahirkan bakat tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Kerjasama ini akan mewujudkan peluang dalam perkongsian kepakaran, peralatan dan kemudahan fasiliti di antara kedua-dua pihak di masa akan datang dengan perbincangan susulan dan persetujuan kedua-dua pihak.

“Kerjasama ini juga akan membuka peluang kepada perundingan latihan dan pensijilan berkaitan TVET khususnya dalam industri yang bersifat pemberi perkhidmatan yang memerlukan pendedahan dan pengetahuan teknikal bersifat holistik daripada mereka yang profesional dan berautoriti dan JPPKK adalah juara (Champion) dalam perkara tersebut”.

“Disamping itu, kerjasama ini juga diharap dapat memberi penambahbaikan dalam silibus dan kurikulum bagi kedua-dua pihak agar kekal relevan dengan teknologi dan keperluan industri masa kini”, ujar YBrs. Dr. Haji Mohd Zahari Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti ketika berucap pada Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik (COC) Antara JPPKK dan UniSHAMS.

Kelebihan yang ada pada UniSHAMS dalam penyelidikan, penerbitan, inovasi dan pengkomersialan diharap dapat membantu pihak JPPKK daripada segi geran penyelidikan dan penghasilan inovasi bersama yang memberi impak positif kepada kedua-dua pihak.

“Saya percaya kerjasama ini adalah merupakan suatu peluang kerjasama berpotensi besar yang turut berkait rapat dengan IPT khususnya di kawasan utara semenanjung Malaysia”, tambahnya lagi.

Sijil Kolaborasi Strategik ini telah ditandatangani oleh YBrs. Dr. Haji Mohd Zahari Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dan YBhg. Prof. Dato’ Dr. Asmadi Mohamed Naim, Naib Canselor UniSHAMS.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PERTANYAAN MEDIA:
UNIT KOMUNIKASI DAN HUBUNGAN KORPORAT
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Tel: +603 8888 2515/2870 e-mel: ukk.jppkk@mohe.gov.my**